



TEKS UCAPAN

MENTERI KERJA RAYA

YANG BERHORMAT DATO SRI ALEXANDER NANTA LINGGI

SEMPENA

MAJLIS ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG (APC) 2023

KEMENTERIAN KERJA RAYA

20 JUN 2024 | KHAMIS

DEWAN TAN SRI MAHFOZ KHALID, KOMPLEKS KERJA RAYA

PENDAHULUAN

Salam Sejahtera dan Salam Malaysia Madani

1. Pertama sekali, marilah kita menyatakan rasa syukur kepada Tuhan kerana diberikan peluang untuk bersama-sama pada hari yang penuh bermakna ini untuk meraikan Hari Anugerah Perkhidmatan Cemerlang 2023.
2. Sekalung tahniah saya ucapkan kepada kesemua 891 penerima APC yang terdiri daripada 60 pegawai KKR, 729 pegawai JKR, 79 pegawai CIDB dan 23 pegawai LLM. Tidak dilupakan, saya ingin menzahirkan setinggi-tinggi penghargaan kepada 6 orang pegawai KKR yang bersara pada tahun ini. Segala jasa dan pengorbanan yang Tuan/Puan berikan amat berharga dan disanjung tinggi.

SUMBANGAN DAN JASA BAKTI

Para Penerima APC sekalian,

3. Tuan/Puan telah menunjukkan dedikasi yang tinggi, kesungguhan yang luar biasa, dan komitmen yang tidak berbelah bahagi dalam melaksanakan tugas. Usaha gigih dan pencapaian cemerlang ini adalah sesuatu yang amat membanggakan, bukan sahaja kepada diri sendiri, tetapi juga kepada organisasi dan negara. Ucapan penghargaan dan terima kasih juga perlu kita panjangkan kepada seluruh ahli keluarga, rakan sekerja dan para pelanggan yang membolehkan kita merangkul anugerah ini. Pelakon 'The Rock' menyatakan *"Success isn't always about greatness. It's about consistency"*. Kerja keras secara konsisten akan membawa kita kepada kejayaan yang gemilang.

CABARAN MASA KINI

4. Pekerja cemerlang, lambang organisasi terbilang. Itulah yang saya harapkan daripada KKR dan agensi-agensi di bawahnya. Melihat kepada bilangan penerima APC yang merupakan 8% dari keseluruhan kakitangan Kementerian dan agensinya, saya berharap kita sedang menuju ke arah organisasi yang mempunyai tradisi kecemerlangan yang mapan dan mampan.
5. Sektor pembinaan adalah sektor utama yang menjadi penyumbang kepada pembangunan ekonomi negara. Dalam era globalisasi yang semakin mencabar, sektor pembinaan kita menghadapi pelbagai cabaran baru yang memerlukan kita untuk terus bersedia, responsif dan berfikiran mendahului zaman. Globalisasi membawa pelbagai peluang dan juga cabaran yang unik. Tiga cabaran utama yang saya ingin tekankan di sini ialah:
 - I. **Persaingan Antarabangsa:** Menerusi pasaran global, kita menghadapi persaingan yang lebih sengit daripada syarikat-syarikat antarabangsa. Ini memerlukan kita untuk meningkatkan kualiti dan kecekapan sistem penyampaian kita agar dapat bersaing dan tidak ketinggalan jauh. Saya ingin tegaskan di sini, jangan mudah berasa selesa pada tingkat pencapaian yang sama. 891 penerima APC ini adalah jumlah yang ramai. Buktikan bilangan ini ianya bukan sekadar kuantiti, tetapi turut melambangkan kualiti perkhidmatan yang bermutu tinggi.
 - II. **Teknologi dan Inovasi:** Kita sering mengangkat teknologi ini dalam tema majlis-majlis rasmi kita, jadikan ianya bukan sekadar omongan dan teori, buktikan ianya menjadi realiti dalam organisasi kita. Penerapan *Artificial Intelligence* (AI), robotic, big

data seharusnya menjadi pencapaian seterusnya selepas automasi dan sistem perkomputeran. Tidak mustahil aplikasi seperti ini suatu hari nanti akan mampu menghasilkan perincian lukisan pembinaan, cadangan pemantauan projek yang lebih teliti dan kos efisien berbanding kaedah konvensional.

- III. **Pengurusan Sumber Manusia:** Kita perlu memastikan bahawa tenaga kerja kita terlatih dan memiliki kemahiran yang relevan seiring dengan keperluan semasa. Pendidikan dan latihan berterusan adalah kunci untuk memastikan kita tidak ketinggalan. Jangan biarkan kita diperlekehkan terus sebagai sebuah organisasi “Jangan Kerja Rajin”, “Pemalas lakukan pemantauan”, “hanya tunggu tidak bertindak” dan sebagainya. Buktikan kita teguh berkhidmat walau jasa tidak dikenang, budi tidak dijulang.

TATAKELOLA PERKHIDMATAN YANG BERINTEGRITI DAN BUDAYA KERJA CEMERLANG

Para hadirin sekalian,

6. Suka saya mengingatkan para hadirin mengenai lima (5) Nilai Bersama yang kita perlu diterapkan dalam diri selaku penjawat awam iaitu **Profesional** dan berkemampuan untuk melaksanakan tugas, **Responsif** secara komunikasi berkesan dalam memberikan maklumat kepada rakyat, memelihara **Integriti** pada setiap masa dan Akauntabiliti semasa melaksanakan tugas yang diamanahkan, mempunyai semangat **Kerja Berpasukan** di antara kita dan akhir sekali **Inovasi** dalam merealisasikan suatu idea kepada penghasilan output lebih baik dan efektif.

7. Kita semua sedar bahawa Kerajaan sedang melaksanakan Kajian Skim Saraan Perkhidmatan Awam (SSPA). Secara tidak langsung ianya akan memberi impak kepada penjawat awam. Mungkin nanti akan terdapat perubahan emolumen, gred serta skop tugas yang mungkin akan digabungkan atau dijumlahkan. Kita semua harus bersedia kepada perubahan seperti yang Sir Winston Churchill katakan *“To improve is to change, to be perfect is to change often”*. Perubahan itu diharapkan akan menjadikan kita dan perkhidmatan awam lebih efisien dan bersedia melaksanakan tugas lebih efektif. Kita juga diharapkan dapat menjimatkan kos Kerajaan menerusi perancangan teliti serta tiada unsur kecuaian terutama projek-projek infrastruktur awam yang tinggi nilainya.

Tuan-Tuan dan Puan-Puan,

8. Pada tahun 2024, penjawat awam telah mencecah seramai 1.6 juta yang terdiri daripada pelbagai peringkat umur, perbezaan demografi dan beberapa generasi dalam perkhidmatan awam. Justeru itu, isu perbezaan nilai, pandangan dan perspektif antara generasi boleh diatasi menerusi berkongsi pengalaman, kebijaksanaan dan kepakaran masing-masing melalui program kepimpinan seperti *mentor-mentee*, perkongsian kemahiran teknologi supaya membentuk perkhidmatan awam yang lebih dinamik dan harmoni.
9. Hasil laporan Deloitte pada 23 Mac 2023 bertajuk *Nine Trends Reshaping Government in 2023*, salah satu trend utama dalam mempengaruhi hala tuju Kerajaan merupakan pendekatan strategik dan kolaborasi di antara Kerajaan, swasta dan masyarakat sivil (*Civil Society Organisation – CSO*) yang boleh memberikan nilai

tambah kepada perkhidmatan awam. Hubungan baik antara Kerajaan, swasta dan CSO akan memberikan kelebihan kepada Kerajaan untuk mendapatkan alternatif penyelesaian yang lebih baik, sokongan kepada inisiatif Kerajaan dari semua pihak.

Tuan-Tuan dan Puan-Puan,

10. Berdasarkan laporan *The Future of Jobs 2020* oleh Forum Ekonomi Dunia (WEF), dianggarkan sebanyak 50% keseluruhan pekerja dunia memerlukan latihan kemahiran semula, manakala kira-kira 40% kemahiran teras pekerja semasa dijangka berubah menjelang 2025 termasuklah penjawat awam kita. Melalui jangkaan tersebut, penjawat awam perlu menjalani latihan kemahiran semula (*reskilling*), meningkatkan kemahiran (*upskilling*), mempraktikkan pelbagai kemahiran (*multitasking*) dan memperoleh kemahiran baharu (*new skills*) agar kita mempunyai kompetensi bersesuaian dengan peredaran masa dan teknologi untuk melaksanakan tugas seharian. Pada masa yang sama, kita perlu meneliti dan menstruktur semula proses kerja sedia ada dan seterusnya mengautomasikan proses kerja yang manual selari dengan era digital.
11. Untuk itu, setiap warga KKR dan agensi harus terus meningkatkan kompetensi masing-masing dengan menjalani latihan kemahiran semula, kemahiran baharu berasaskan teknologi terkini, kemahiran insani (*softskills*) dan kebolehan *multitasking*. Pengembangan diri melalui latihan dan pendidikan berterusan adalah kunci kepada peningkatan kualiti perkhidmatan kita selaras dengan **slogan APC** tahun 2023 iaitu “**Kompetensi Tonggak Kualiti**”.

BERGERAK KE HADAPAN (*MOVING FORWARD*)

Warga KKR yang dihormati,

12. Sebagai peneraju infrastruktur negara ayuh kita bangun dan terus maju dalam menjadikan infrastruktur di negara kita berada dalam keadaan yang paling terbaik. Janganlah takut kepada setiap komen, caci dan maki, malah mari kita cabar diri kita untuk terjemahkan menjadikan sebagai semangat untuk kita bersama-sama teruskan perjuangan dalam memberikan khidmat yang terbaik kepada masyarakat. Saya ingin angkat “Gagasan Jalan Daif” sebagai agenda pembangunan Malaysia Madani tahun 2025. Saya komited terhadap gagasan ini. Tetapi saya perlukan sokongan padu dari Tuan/Puan sekalian, Pengarah, Setiusaha Bahagian, pegawai semua peringkat termasuk *foot soldiers*. Jadikan jalan raya kita paling indah, paling selamat, disenggara rapi untuk kesejahteraan kita bersama. Ianya perjuangan tanpa henti demi negara dan generasi kita kini dan masa hadapan.
13. Selain itu, kita semua perlu mempunyai semangat kerjasama dan *esprit de corps* dalam setiap usaha yang kita laksanakan. Kejayaan kita bukan hanya bergantung pada usaha individu, tetapi juga kepada bagaimana kita bekerja sebagai satu pasukan yang komited dan berintegriti. Setiap warga KKR perlu mempunyai visi yang sama, dan saling membantu dalam merealisasikan visi tersebut. Dalam menghadapi cabaran-cabaran yang mendatang, kita perlu bersedia dengan minda yang terbuka dan bersedia untuk menerima perubahan demi kemajuan yang lebih baik.

14. Saya yakin kepakaran dan kakitangan yang dimiliki Kementerian merupakan aset yang penting dan sangat berharga. Saya ingin mengemukakan cabaran supaya KKR dan agensinya lebih *outward looking* dengan memanfaatkan kepakaran itu menjadi satu produk yang boleh kita eksport dan menghasilkan sumber kewangan kepada Kementerian dan negara. Ini telah disuarakan oleh Pengurusan Tertinggi termasuk Timbalan Menteri dan Datuk Seri KSU dalam pelbagai forum. Pelbagai cara boleh kita terokai termasuk menawarkan kepakaran dan fasiliti kita secara komersil dan kolaborasi dengan pihak swasta dan sebagainya.

PENUTUP

Hadirin yang saya kasihi,

15. Tiada orang lama, tiadalah orang baharu. Bak kata orang-orang dahulu. Yang baharu dikasihi, yang lama dihargai. Begitu juga dalam perkhidmatan awam. Kejayaan KKR pada hari ini adalah hasil titik peluh dan legasi yang ditinggalkan oleh tuan-tuan dan puan-puan sekalian.
16. Bagi pihak KKR, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua pesara yang telah bersama-sama menyemai bakti di sepanjang tempoh sebagai penjawat awam. Saya doakan semoga fasa kehidupan dalam persaraan tuan puan yang diraikan hari ini dilimpahkan segala rahmat dan keberkatan, sihat sejahtera serta bahagia di samping keluarga tersayang. Selamat Bersara!

Sekian, terima kasih.